

**Teks Ucapan
YAB Datuk Sulaiman Bin Md Ali
Ketua Menteri Melaka
Sempena Lawatan Ke Hospital Alor Gajah
16 Mac 2020 (Isnin), Masa: 1630 Petang
Hospital Alor Gajah**

(2)

سَمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang saya hormati Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Dr. Ismail bin Ali,
Pengarah Kesihatan Negeri Melaka;

Yang Berusaha Dr. Hjh. Zarina binti Sahrom@Shahrom,
Pengarah Hospital Alor Gajah;

Para Pegawai Jabatan Kesihatan Negeri; dan
Warga Hospital Alor Gajah yang dikasihi;

(3)

Tuan-tuan dan Puan-puan;
Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian;

Mukadimah

1. Alhamdulillah, pertamanya saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah, kurnia serta keizinan-Nya jua, dapat kita bersama-sama pada petang yang berbahagia ini sempena lawatan julung kali ke Hospital

(4)

Alor Gajah setelah dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka yang baharu.

2. Bagi pihak kerajaan negeri, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan warga Hospital Alor Gajah kerana dapat mengatur dan menguruskan lawatan ini walaupun dalam jangka waktu yang singkat.

(5)

3. Saya percaya lawatan ini membolehkan saya melihat dan mengetahui keseluruhan perjalanan hospital di daerah Alor Gajah ini demi kebaikan rakyat yang memerlukan perkhidmatan di sini.

Tuan-tuan dan Puan-puan;

Hadirin Hadirat yang saya hormati;

(6)

Sokongan dan Tanggungjawab

4. Kita maklum, dunia ketika ini sedang berhadapan dengan penularan COVID-19. Saban hari, akan ada sahaja bilangan kes bertambah. Walau bagaimanapun, saya sentiasa percaya dengan kemampuan serta komitmen Kementerian Kesihatan Malaysia, menerusi anggota-anggota kesihatan di seluruh negara, khususnya di negeri Melaka ini yang sentiasa komited melaksanakan tugas dengan baik.

(7)

5. Namun, tanggungjawab untuk membendung penularan virus COVID-19 ini tidak terletak hanya pada Kementerian Kesihatan Malaysia atau Jabatan Kesihatan Negeri semata-mata. Sebaliknya, masyarakat sendiri perlu bertanggungjawab terhadap diri sendiri serta orang sekeliling dengan mematuhi segala saranan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan.

6. Justeru, saya sendiri hadir di sini petang ini untuk melihat serta menyatakan sokongan terhadap anggota-anggota

(8)

kesihatan kita yang bertungkus lumus siang dan malam untuk memberikan khidmat rawatan bagi melindungi masyarakat khusus di kawasan Alor Gajah ini.

Terus Berkhidmat Demi Negara

7. Dalam memenuhi tuntutan dan tanggungjawab, kesihatan diri juga perlu dijaga. Saya mengagumi komitmen anggota kesihatan yang bertugas. Meskipun terdapat risiko sewaktu

(9)

mengendalikan kes-kes sebegini, perkhidmatan tetap diteruskan demi kesejahteraan rakyat.

8. Saya berharap serta mendoakan agar semua kakitangan yang terlibat dikurniai dengan tubuh badan yang sihat supaya dapat terus menabur bakti kepada bangsa dan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan;

Hadirin Hadirat yang saya hormati;

Bekerja Bersama Saya

9. Jika dihitung tarikh pelantikan saya sejak 9 Mac 2020 lalu, baharu tujuh hari saya bertugas secara rasmi dan sebagai kerajaan yang baharu, saya mengharapkan sokongan secara berterusan daripada warga Kementerian Kesihatan Malaysia atau Jabatan Kesihatan Negeri untuk meneruskan kelangsungan mentadbir kerajaan negeri yang baharu.

(11)

10. Hasrat saya ialah menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri yang harmoni dan selamat serta disenangi, melalui peningkatan kecekapan pentadbiran serta pembangunan dalam pelbagai sektor bagi menjulang kemahsyuran Melaka sehingga ke peringkat antarabangsa.

11. Sememangnya pentadbiran kerajaan negeri yang baharu faham akan perhatian berat rakyat mengenai perubahan yang berlaku pada masa kini. Seiring dengan matlamat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Perikatan Nasional (PN) Negeri akan

(12)

mengutamakan kebajikan rakyat khusus dalam melaksana penyelesaian secara konkrit berkaitan isu air dan isu COVID-19.

12. Kerajaan negeri akan memastikan pembudayaan integriti dititikberatkan bagi memastikan semua jentera kerajaan mengamalkan sikap anti rasuah. Saya percaya, ini akan membantu mewujudkan suasana ekonomi yang kondusif, meningkatkan daya saing dan kecekapan perkhidmatan awam,

(13)

merencanakan pelaburan serta memperkukuh sosio-ekonomi dan politik negeri.

Tuan-tuan dan Puan-puan;

Hadirin Hadirat yang saya hormati;

Penutup

13. Akhir kata, sekali lagi terima kasih kepada seluruh warga Hospital Alor Gajah kerana mengatur lawatan ini. Semoga isu

(14)

COVID-19 dapat kita tangani dengan sebaiknya dan diredakan untuk kesejahteraan kita bersama.

14. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada tuan-tuan dan puan-puan terutamanya pihak Jabatan Kesihatan Negeri Melaka serta Hospital Alor Gajah di atas komitmen yang diberikan selama ini. Semoga segala usaha dan tenaga yang digembleng selama ini mendapat ganjaran yang berganda daripada Allah SWT.

(15)

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

-Tamat-